

14 JUN 1998

Zahid-Dana

DANA UNTUK MALAYSIA KUMPUL RM3 JUTA PADA HARI PELANCARAN

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Sebuah tabung anjuran Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) bagi membolehkan rakyat Malaysia membantu kerajaan dalam mengatasi kegawatan ekonomi berjaya mengumpul sebanyak RM3 juta pada pelancarannya hari ini.

Menurut Ketua Pergerakan Pemuda BN, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, "Dana Untuk Malaysia" itu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka di sini akan dibuka sehingga 15 Julai depan.

Kutipan derma untuk dana itu akan diteruskan sehingga ke peringkat negeri, kata Ahmad Zahid.

Hasil hutipan dana itu akan disalurkan kepada Dana Khas Negara yang sehingga ini telah berjaya mengumpulkan kira-kira RM3 juta melalui derma orang ramai dalam bentuk wang tunai, barangan kemas dan mata wang asing.

Dana Khas Negara yang ditubuhkan pada 6 Mac lalu bertujuan membolehkan rakyat Malaysia menderma bagi membantu memulihkan ekonomi negara. Ia diuruskan oleh Kementerian Kewangan.

Pelancaran "Dana Untuk Malaysia" dalam bentuk karnival turut dimeriahkan dengan persembahan konsert artis tempatan, pertunjukan payung terjun oleh 16 anggota pasukan Penerjun Bebas Kutub Utara dan perarakan kereta Proton.

Ahmad Zahid yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno berkata, tidak ada sasaran tertentu bagi dana anjuran pergerakan itu.

"Kita yakin lebih banyak yang dapat dikumpulkan, lebih bermakna kepada Dana Untuk Malaysia ini... Bagi tidak dituduh orang ramai bahawa kita menyuruh orang menderma tetapi kita sendiri tidak melakukan sesuatu, maka oleh itu kita mulakan dengan diri kita yang menderma," katanya.

Pada majlis itu, Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan cek replika RM30,000 kepada Dr Mahathir bagi pihak parti untuk "Dana Untuk Malaysia" diikuti ketua-ketua parti komponen BN lain.

Ahmad Zahid pula menyampaikan cek replika RM280,000 bagi pihak Pemuda BN.

Antara syarikat yang menderma bagi dana itu ialah Kumpulan Bandaraya Development (RM1 juta), Kumpulan DRB Hicom (RM500,000), United Engineers Malaysia Berhad dan Projek Lebuhraya Utara Selatan (RM300,000), HVD (RM100,000), Telekom Malaysia Berhad (RM100,000), Permodalan Nasional Berhad (RM100,000), Kumpulan Golden Hope (RM50,000) serta Syarikat Penerbitan Jaya Bakti dan Powertek Berhad, masing-masing RM10,000.

Dr Mahathir kemudiannya melawat gerai-gerai yang menjual pelbagai barangan buatan Malaysia bagi mempromosi barangan buatan tempatan.

Karnival sehari ini turut diserikan dengan pertunjukan tarian singa, pertunjukan gendang dan Bangra masyarakat India serta pertunjukan muzik artis-artis tanah air.

Lebih 3,000 orang mengunjung karnival itu.

-- BERNAMA

TM PR